

KENYATAAN MEDIA

100 PEKERJA SWM ENVIRONMENT DIGERAKKAN UNTUK PEMBERSIHAN SISA LAUT AKIBAT FENOMENA AIR PASANG BESAR.

PORT DICKSON, 16 JUN 2025 – Fenomena air pasang besar yang melanda di sekitar Port Dickson baru-baru ini, sebanyak 14 buah pantai telah terjejas teruk dengan lambakan sisa laut serta serpihan sampah yang dihanyutkan ombak ke daratan. SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) memandang serius situasi ini dan telah menubuhkan Pasukan Khas Pantai bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan secara intensif sehingga 12 Jun 2025.

Seramai 100 anggota operasi SWM Environment telah digerakkan ke lokasi-lokasi terjejas bersama bantuan jentera pembersihan seperti jentera jengkaut (2), beach comber (1) serta lori Roll-On Roll-Off (RoRo) berkapasiti 5 tan (2) dan Roll-On Roll-Off (RoRo) berkapasiti 16 tan (4) bagi mempercepatkan proses pembersihan pantai.

Antara pantai-pantai yang terkesan ialah Pantai Kemang Indah, Pantai Teluk Kemang 1, 2 dan 3, Pantai Sri Purnama, Pantai Kayns, Pantai TNB Condo, Pantai Tanjung Biru, Pantai Dickson, Pantai Bagan Pinang, Pantai Avillion, Pantai Saujana, Pantai Nelayan, Pantai Cahaya Negeri, Pantai Kuil Batu 5 dan Pantai Desa Lagoon.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tn Hj Mohd Norlisam bin Mohd Nordin, berkata bahawa kerja-kerja pembersihan dijangka mengambil masa beberapa hari bergantung kepada faktor cuaca dan keadaan semasa pantai.

Berdasarkan data dari TideForecast.com, pada 10 Jun, paras air pasang mencapai koefisien sederhana (69–70) dengan ketinggian mencecah ± 2.8 m pada waktu tengah hari dan lewat petang. Pada 11 Jun, koefisien meningkat ke 71, dengan paras air pasang mencecah ± 2.9 m. Keadaan ini menyumbang kepada aliran balik sisa laut ke daratan.

Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa peka terhadap keadaan cuaca semasa dan merancang kunjungan ke pantai dengan mengutamakan keselamatan diri dan keluarga.

Katanya lagi, SWM Environment komited dalam memastikan pantai-pantai di Negeri Sembilan kembali bersih, selamat dan selesa untuk orang awam dan pelancong. Kami juga menyeru kerjasama orang ramai agar menguruskan sisa dengan berhemah, menggunakan tong sampah yang disediakan serta memainkan peranan dalam menjaga kebersihan pantai.”

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia di 1-800-88-7472, menghantar mesej melalui WhatsApp di 012-618 0082 atau melayari laman web rasmi <https://swm-environment.com>.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swm-environment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa yang dijana oleh masyarakat dihantar dan dilupuskan di tapak pelupusan, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) berimpak tinggi yang menjurus kepada kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar termasuk Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), pendigitalan program kitar semula berganjaran dan pengkomposan sisa makanan bagi meningkatkan kesedaran awam ke arah Ekonomi Kitaran (Circular Economy).

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran iaitu KITAREcycle di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. KITAREcycle bertujuan menggalakkan orang ramai untuk mengasingkan barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik dan tin aluminium dan memperoleh mata ganjaran (RP) yang boleh ditebus kepada tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan (Negeri Sembilan & Melaka)

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com